Semua salinan yang telah dipinda mesti dilupuskan, kecuali dinyatakan keperluan untuk salinan kertas, dimana salinan elektronik di dalam OSC Online hendaklah

dilupakan.

Penerima mesti diberitahu tentang tarikh berkuatkuasa salinan baru dokumen di dalam sistem dan nombor salinan kertas pemberitahuan diperlukan.

Semua dokumen yang dibuat pindaan perlu diberitahu tentang pertukaran yang dibuat didalam salinan kertas dan lawalan dokumen sistem perlu memberitahu apabila ada pindaan dilaksanakan.

1.7.7 Pengurusan Identifikasi Dokumen

Dokumen akan diidentifikasi seperti berikut :-

- Nama Dokumen
- Nombor Pindaan
- Status dan Maklumat Dokumen; dan
- Lokasi dimana dokumen disimpan.

Setiap dokumen yang diurus mesti diidentifikasi didalam sebuah Daftar Pengurusan Dokumen dalam bentuk salinan kertas dan salinan elektronik di dalam OSC Online.

1.8 PERMINTAAN PERKHIDMATAN

1.8.1 Membuat Permintaan Perkhidmatan

Mana-mana pengguna boleh membuat Permintaan Perkhidmatan.

Pemula untuk permintaan perlu membuat Permintaan Perkhidmatan bila-bila masa yang sesuai.

Atau penerima permintaan boleh membuat Permintaan Perkhidmatan.

Perlu untuk mendapatkan sebanyak mungkin maklumat terperinci yang boleh berkenaan permintaan apabila mendapat permintaan.

1.9 REKOD

- Salinan Kertas untuk rekod
- Rekod Dokumen Sistem OSC Online

2.0 KAWALAN REKOD

2.1 TUJUAN

Prosedur ini menghuraikan bagaimana Rekod-rekod kedua-dua salinan kertas dan salinan elektronik (dalam OSC Online) diselenggarakan.

2.2 SKOP

Prosedur ini mesti dipatuhi oleh semua rekod PBT yang dibuat. Rekod termasuk rekod kertas dan juga rekod elektronik.

2.3 DEFINASI

Tiada

2.4 RUJUKAN

- Kualiti Manual PBT
- ISO 9001:2008 Spesifikasi Sistem Pengurusan Kualiti

2.5 TANGGUNGJAWAB

- Head of Departments
- Record Owners

2.6 KUNCI INDIKATOR PERLAKSANAAN

Tiada

2.7 PROSEDUR

2.7.1 Memfail Rekod

Semua rekod (rekod seperti dirujuk didalam manual prosedur ini) mesti diisi dalam semua fail rekod samaada dalam bentuk salinan kertas atau sistem OSC Online.

Semua surat-surat, memo-memo, agenda-agenda, minit-minit mesyuarat, maklumat kertas kerja dan maklumat-maklumat berkenaan permohonan yang dibuat peril difailkan berasingan di dalam fail berkenaan di dalam rekod fail di dalam bentuk salinan kertas dan sisten OSC Online di dalam bentuk fail elektronik.

Rekod am (i.e. tidak bersangkutan dengan permohonan dan Sistem Pengurusan Kualiti) mesti juga berada didalam rekod fail yang berkenaan sebagai saslinan boring yang berkenaan operasi dan rekod sistem OSC Online.

2.7.2 Susunan Fail

Rekod mesti difail mengikut susunan tarikh dalam kronologi yang terdahulu kebelakang di dalam fail rekod.

Rekod-rekod berlainan jenis mesti diasingkan didalam fail-fail berasingan didalam fail rekod OSC.

2.7.3 Identifikasi Rekod

Selain dari nama boring dan nombor boring, setiap rekod mesti diidentifikasi secara unik dengan nombor serial atau tarikh atau kedua-dua sekali untuk boring kertas dan elektronik.

2.7.4 Penyimpanan Rekod

Rekod mesti difail di dalam fail/penjilid untuk ssalinan kertas dan salinan elektronik untuk Sistem OSC Online.

Rak-Rak dan Kabinet untuk menyimpan fail mesti digunakan untuk semua rekod sehingga diarkibkan.

Rekod Kertas yang penting dan salinan-salinan dokumen sokongan mesti disimpan dan dihalang dari kehilangan disebabkan oleh kebakaran.

Rekod yang disimpan didalam media elektronik mesti disimpan didalam simpanan bersesuaian seperti keperluan simpanan media tersebut.

Rekod penting yang disimpan di dalam media elektronik mesti di simpan secara off-site disamping sistem rekod di station pengguna.

2.7.5 Akses kepada Rekod

Akses kepada rekod akan dikawal.

2.7.6 Mengarkib Rekod

Rekod yang tidak diperlukan untuk akses segera akan diarkibkan.

Suatu Index mesti dibuat sebagai salinan identifikasi rekod-rekod yang diarkibkan.

2.7.7 Pelupusan Rekod

Jika tiada keperluan kontrak atau undang-undang, semua rekod didalam bentuk borang kertas atau elektronik mest disimpan untuk jangkamasa 5 tahun sekurang-kurangnya.

Apa-apa tindakan pelupusan rekod mesti dikepilakn dengan kebenaran bersurat dari pengurusan.

2.8 REKOD

- **Senarai Rekod**

3.0 AUDIT DALAMAN

3.1 TUJUAN

Prosedur ini disediakan untuk memulakan proses dimana proses OSC boleh ditambahbaikkkan berterusan untuk mencapai kepuasan pelanggan dan keperluan kualiti.

3.2 SKOP

Prosedur ini adalah untuk diaplikasikan untuk semua bidang operasi dilaksanakan oleh auditor tetap atau sementara dilantik oleh PBT dan juga untuk audit yang dilaksanakan terhadap semua pihak-pihak yang berkenaan oleh PBT.

3.3 DEFINASI

Penambahbaikan Berterusan – Proses untuk menambahbaik Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) untuk mencapai kepuasan pelanggan bersama dengan Pilisi Kualiti PBT.

3.4 RUJUKAN

- Semua Prosedur Operasi
- Pelan Audit
- Pelan-pelan Pembaikan
- Laporan Audit

3.5 TANGGUNGJAWAB

- Wakil Pengurusan
- Pengurus Kualiti
- Auditor Dalaman PBT

3.6 KUNCI INDIKATOR PERLAKSANAAN

Tiada

3.7 PROSEDUR

- Ianya adalah tanggungjawab komiti kualiti untuk memulakan audit kualiti dengan :-
 - (i) mengatur audit dalaman untuk operasi PBT berkenaan proses OSC.
 - (ii) mengatur untuk audit pihak ketiga; dan
 - (iii) mengatur audit untuk kelengkapan vendor dan di dalam kontrak dengan pengaudit pihak ketiga.
- Maklumat berkenaan tujuan audit dan tarikh berkala audit akan diberitahu kepada semua kakitangan PBT berkenaan selari dengan keperluan QMS.
- Ketua Auditor adalah bertanggungjawab untuk mengatur audit dalaman dan untuk membuat penugasan pasukan audit. Audit akan distrukturkan untuk gangguan minima untuk operasi OSC.
- Ketua Auditor/Auditor dilantik mesti bebas dari operasi dan aktiviti-aktiviti yang diaudit.
- Pengurus Kualiti akan berkerjasama dengan pasukan audit untuk memastikan mendapat akses untuk apa-apa dokumentasi, kakitangan PBT dan sumber-sumber diperlukan untuk membuat audit.
- Ketua Auditor mengatur perjumpaan untuk perundingan pra-audit yang disertai oleh pasukan audit dan kakitangan pengurusan berkenaan sebelum membuat audit untuk apa-apa tugas. Sewaktu mesyuarat tersebut, ketua auditor mesti menerangkan proses untuk pengurusan kakitangan dan memberi peluang untuk soalan-soalan. Pasukan audit adalah bertanggungjawab untuk memberi jawapan dan soalan-soalan yang diberikan kepada mereka semasa pelaksanaan audit. Ketua auditor adalah bertanggungjawab untuk menyelesaikan apa-apa konflik sebelum melaksanakan audit.
- Pasukan Audit akan menyediakan senarai semak audit untuk setiap bahagian audit.
- Sewaktu membuat kesimpulan audit, penemuan-penemuan awal hendaklah dibincang dengan kakitangan pengurusan dari setiap bahagian yang diaudit.

- Pasukan Audit berkerjasama dengan kakitangan dari bahagian yang diaudit untuk membuat pelan tindakan pembaikan yang realistic dan kos efektif untuk apa-apa ketidakpatuhan yang dikenalpasti sewaktu audit. Pasukan audit juga diperlukan untuk memastikan tindakan pembaikan diperlukan dengan regulasi atau polisi ditetapkan oleh PBT.
- Untuk laporan audit terakhir yang membicarakan status sistem pengurusan kualiti akan disediakan oleh ketua auditor. Topik-topik untuk laporan terakhir ini merangkumi : Kemajuan mencapai objektif dan sasaran, penambahbaikan dalam pelaksanaan dari

audit terakhir, tidak kepatuhan syarat yang dikenalpasti sewaktu audit, pelan tindakan pembaikan dan perkara-perkara lain yang berfaedah untuk kefahaman status operasi OSC. Dalam kata lain, audit sebenar adalah untuk diserahkan kepada komiti kualiti untuk audit dilaksanakan oleh pihak ketiga.

- Peringatan tindakan pembaikan akan diberi oleh pengurus kualiti setelah dianalisa penemuan audit untuk setiap fungsi bahagian untuk semua perkara-perkara audit yang dikenalpasti. Tindakan Pembaikan yang dicadangkan adalah juga disertakan dengan pelan tindakan untuk tindakan pembaikan.
- Pemantauan diperlukan untuk memastikan pembaikan telah diselesaikan. Kekerapan pemantauan adalah tertakluk kepada impak kekurangan yang dihadapi. Suatu boring mesti dihantar kepada setiap fungsi bahagian oleh pengurus kualiti dengan mengikut skala masa yang ditetapkan sehingga perkara audit itu diperbetulkan.
- Semua fungsi-fungsi operasi adalah diperlukan untuk mendokumenkan audit secara progresif dengan maklumat berkenaan sebagai cadangan audit seperti data pemantauan dan kajian lain.
- Penukaran semua prosedur oleh komiti kualiti termasuk prosedur audit hendaklah dibuat sekiranya diperlukan untuk penambahbaikan berterusan.
- Pengurus Kualiti akan menyediakan ringkasan laporan pada setiap suku tahun untuk pengurusan PBT. Laporan ini merangkumi Maklumat Status OSC, sumber diperlukan untuk pembaikan berterusan program OSC, cadangan untuk modifikasi OSC di PBT untuk pengurusan kualiti, dan apa-apa maklumat yang diperlukan untuk kajian semula yang terperinci.
- Apabila audit telah diselesaikan, pasukan audit akan menilai senarai semak dan prosedur audit yang digunakan untuk pelaksanaan audit untuk mencari jalan untuk menambahbaik sistem audit untuk membuat audit seterusnya.
- Pengurus Kualiti akan berkerjasama dengan wakil dari jabatan yang berkenaan di bahagian dimana ketidak patuhan syarat telah berlaku untuk implementasi penilaian pelan-pelan tindakan pembaikan.
- Log status untuk Permintaan untuk Tindakan Pembaikan (PTP) akan disemak setiap masa untuk memastikan keberkesanan audit.
- Ketidak Patuhan akan dikeluarkan kepada pengurusan kakitangan berkaitan semasa audit, pemeriksaan sendiri berkala dan penemuan tidak dicadang.
- Semua penemuan audit akan didokumenkan dengan terperinci di dalam rekod dan saslinan kertas akan dipraktikkan. Dokumen ini akan terdiri dari senarai semak audit dan boring-borang, laporan, pelan tindakan pembaikan, data rawak dan rekod lain-lain yang dihasilkan semasa audit. Semua dokumentasi berkenaan kualiti audit adalah dikawal oleh ketua auditor untuk pasukan audit.
- Pengurusan akan menggunakan penemuan audit sepenuhnya untuk menambahbaik proses OSC di PBT. Sasaran, objektif dan polisi berkenaan akan diubah bila perlu.

3.8 REKOD

- Rekod Laporan Ketidak Patuhan
- Rekod Laporan Audit

4.0 KAWALAN KETIDAK PATUHAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN

4.1 TUJUAN

Prosedur ini akan menghuraikan perkhidmatan penilaian untuk keraguan integrity, penyebab-penyebab kepincangan dan pembuatan semula dan penghasilan penyelesaian yang mengelakkan pengulangan masaalah.

4.2 SKOP

Prosedur ini adalah untuk semakan dan seterusnya menggantikan perkhidmatan yang defektif yang ditolak semasa operasi atau kembali untuk pembuatan semula dan penilaian.

4.3 DEFINASI

Tiada

4.4 RUJUKAN

- Kualiti Manual PBT
- ISO 9001:2008 Spesifikasi Sistem Pengurusan Kualiti

4.5 TANGGUNGJAWAB

- Pengurus Kualiti
- Ahli Komiti Kualiti
- Semua Ketua Jabatan

4.6 KUNCI INDIKATOR PERLAKSANAAN

Tiada

4.7 PROSEDUR

Semua ketidak patuhan / yang disyaki untuk perkhidmatan mesti di kenal pasti melalui Borang Identifikasi Ketidak Patuhan dan dikeluarkan dari tugas memproses. Percubaan perlu dilaksanakan untuk pembuatan semula dan pemeriksaan kerja yang pincang tersebut. Pembuatan semula mesti direkod ke dalam Borang Identifikasi Ketidak Patuhan. Untuk pembuatan semula, suatu memo hendaklah dihantar kepada pihak berkenaan melalui surat atau elektronik bersesuaian.

Pembuatan semula pekhidmatan ketidak patuhan mesti dilaksanakan didalam tempat kerja dan lengkap dengan Laporan Tindakan Pembaikan. Manager OSC akan mengkaji semula Tindakan Pembaikan dan menganalisa untuk penilaian dan pematuhan dan menyelesaikan masalah jika perlu.

Sekiranya pembuatan semula tidak mematuhi keperluan, Mengurus kualiti akan membuat notifikasi melalui pengeluaran Borang Identifikasi Ketidak Patuhan untuk mencari tindakan pembaikan sehingga diselesaikan.

Maklumat untuk perkhidmatan ketidak patuhan dan yang disyaki mesti diambil dan dianalisa di dalam laporan data ketidak patuhan dan suatu pelan mesti dibangunkan untuk

mengurangkan jumlah ketidak patuhan dan kemajuan terhadap mencapai matlamat dihasilkan.

4.8 REKOD

- Borang Identifikasi Ketidak Patuhan
- Laporan Tindakan Pembaikan
- Laporan Data Ketidak Patuhan
- Pelan Tindakan Pembaikan

5.0 TINDAKAN PEMBAIKAN

5.1 TUJUAN

Prosedur ini menghuraikan keperluan langkah-langkah sistematik untuk dihasilkan untuk tindakan pembaikan di dalam resolusi kualiti berkenaan, masalah berkenaan proses OSC di PBT.

5.2 SKOP

Prosedur ini adalah untuk digunakan untuk pelanggan dalaman dan luaran untuk semua perkhidmatan yang ditawarkan yang dinilai untuk kualiti, dipercayai dan dilaksanakan. Apa-apa ekspresi bertulis atau tidak berkenaan ketidakpuasan oleh pelanggan dalaman dan luaran berkenaan ini adalah mengundang pemeriksaan untuk mencari punca penyebab dan tindakan pembaikan yang tidak boleh ditarik balik.

5.3 DEFINASI

Tindakan Pembaikan – Tindakan yang diambil untuk menghapuskan penyebab untuk ketidak patuhan sedia ada, kepincangan atau lain-lain situasi yang tidak diperlukan untuk mengurangkan pengulangan ketidak patuhan.

5.4 RUJUKAN

- Kualiti Manual PBT
- ISO 9001:2008 Spesifikasi Sistem Pengurusan Kualiti

5.5 TANGGUNGJAWAB

- Pengurus Kualiti
- Ahli Komiti Kualiti
- Semua Ketua Jabatan

5.6 KUNCI INDIKATOR PERLAKSANAAN

Tiada

5.7 PROSEDUR

Tindakan Pembaikan adalah diperlukan untuk semua ketidak patuhan, perkhidmatan yang tidak boleh dibuat semula, tindakan pembaikan yang diminta oleh pelanggan termasuk aduan dan sungutan dari komuniti berkenaan dengan permohonan kawalan pemajuan dan semua penemuan audit.

Untuk tindakan pembaikan perkhidmatan, jabatan berkenaan akan memulakan permintaan untuk tindakan pembaikan dengan membuat Permintaan Tindakan Pembaikan dan orang yang bertanggungjawab untuk membuat penyelesaian kepada ketidak patuhan dalam masa 7 hari dalam bentuk kertas putih atau dalam bentuk elektronik bersesuaian.

Tindakan Pembaikan untuk pihak luaran, pihak jabatan yang memulakan permintaan tindakan pembaikan dengan membuat Permintaan Tindakan Pembaikan dan vendor yang berkenaan akan menyelesaikan ketidak patuhan dalam masa 7 hari.

Orang yang membuat Permintaan Tindakan Pematuhan akan menyemak resolusi dan menyatakan penerimaan di dalam Borang Tindakan Pembaikan. Sekiranya tidak diterima, Permintaan Tindakan Pematuhan akan ditugaskan semual untuk tindakan. Semua Permintaan Tindakan Pematuhan mesti didaftar di dalam log tindakan pembaikan yang dibuat dalam bentuk salinan kertas atau sistem elektronik.

5.8 REKOD

- Permintaan Tindakan Pembaikan dalam bentuk kertas atau boring elektronik
- Log Permintaan Tindakan Pembaikan dalam bentuk kertas atau boring elektronik

6.0 TINDAKAN PREVENTIF

6.1 TUJUAN

Prosedur ini menghuraikan langkah-langkah sistematik yang perlu dibuat untuk mencari jawapan untuk menghindar pengulangan kembali kejadian ketidak patuhan atau potensi untuk ketidak patuhan.

6.2 SKOP

Prosedur ini adalah untuk pelaksanaan pelanggan dalaman dan luaran untuk mana-mana perkhidmatan yang dinilai untuk kualiti, dipercayai dan dilaksanakan . Apa-apa ekspresi bertulis atau tidak berkenaan ketidakpuasan oleh pelanggan dalaman dan luaran berkenaan ini adalah mengundang pemeriksaan untuk mencari punca penyebab dan tindakan pembaikan yang tidak boleh ditarik balik.

6.3 DEFINASI

Tindakan Preventif – Tindakan yang diambil untuk menghapuskan penyebab untuk potensi ketidak patuhan, atau lain-lain situasi yang tidak diperlukan untuk mengurangkan pengulangan ketidak patuhan.

6.4 RUJUKAN

- Kualiti Manual PBT
- ISO 9001:2008 Spesifikasi Sistem Pengurusan Kualiti

6.5 TANGGUNGJAWAB

- Pengurus Kualiti
- Ahli Komiti Kualiti
- Semua Ketua Jabatan

6.6 KUNCI INDIKATOR PERLAKSANAAN

Tiada

6.7 PROSEDUR

Apabila punca masalah dikenalpasti dan laporan didalam Borang Permintaan Tindakan Pembaikan dibuat, setiap orang yang bertanggungjawab membuat semakan dan akses kepada jawapan dalam bentuk tindakan preventif kepada masalah. Tindakan Preventif akan dilog didalam Log Tindakan Preventif yang akan digunakan oleh Pengurus Kualiti. Log ini akan digunakan untuk membuat verifikasi untuk keberkesanan tindakan dan juga untuk mencari apa-apa kesamaan kepincangan.

6.8 REKOD

- Permintaan Tindakan Pembaikan dalam bentuk kertas atau elektronik
- Log tindakan Preventif dalam bentuk keras atau elektronik.

7.0 MENDOKUMENKAN PERANAN, TANGGUNGJAWAB DAN KUASA

7.1 TUJUAN

Prosedur ini akan menghuraikan proses definasi dokumen, peranan komunikasi, kuasa dan tanggungjawab untuk pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti.

7.2 SKOP

Prosedur ini dilaksanakan untuk semua Sistem Pengurusan Kualiti di PBT.

7.3 DEFINASI

Tiada

7.4 RUJUKAN

Tiada

7.5 TANGGUNGJAWAB

- Wakil Pengurusan
- Pengurus Kualiti

7.6 KUNCI INDIKATOR PERLAKSANAAN

Tiada

7.7 PROSEDUR

Wakil Pengurusan akan mengambil tanggungjawab dan kuasa untuk melaksanakan sepenuhnya dan menyelenggara pelaksanaan berterusan dan akan memastikan :-

- Carta organisasi dibangunkan dan diuruskan untuk semua proses berkenaan OSC di

PBT.

- Tanggungjawab dan kuasa untuk melaksanakan Sistem Pengurusan Kualiti untuk operasi OSC.
- Objektif dan Sasaran akan dibangunkan, didokumentasikan, dan dilaksanakan untuk mencapai matlamat polisi kualiti.
- Peranan setiap klasifikasi tugas dalam pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti dikenalpasti dan didokumenkan.
- Semua tanggungjawab dan kuasa kakitangan dalam pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti telah diterangkan semasa program orientasi dan latihan .

7.8 REKOD

Senarai Peranan dan Tanggungjawab.

8.0 LATIHAN

8.1 TUJUAN

Prosedur ini akan menghuraikan proses untuk mengenalpasti keperluan latihan oleh kakitangan PBT yang melaksanakan tugas dan memastikan kepuasan pengguna dan operasi berkenaan proses OSC akan membuat impak yang signifikan terhadap kualiti pelaksanaan oleh PBT.

8.2 SKOP

Prosedur ini adalah untuk pelaksanaan bilamana sesuai untuk semua orientasi dan latihan tugas untuk semua kakitangan di PBT.

8.3 DEFINASI

Tiada

8.4 RUJUKAN

- Huraian Tugas
- Rekod Latihan Kakitangan
- Arahan Kerja

8.5 TANGGUNGJAWAB

Pengurus Kualiti

8.6 KUNCI INDIKATOR PERLAKSANAAN

Tiada

8.7 PROSEDUR

Analisa Keperluan Latihan adalah diperlukan untuk pelaksanaan dan kajian semula berkala untuk memastikan program latihan memenuhi keperluan PBT untuk melaksanakan OSC dengan kompetensi dan pengenalan yang sesuai.

Program Pengenalan mesti merangkumi :-

- Kepentingan mematuhi polisi dan prosedur kualiti, dengan keperluan operasi OSC.
- Latihan adalah dilaksanakan untuk fokus pelanggan, efisien, berkesan dan perkhidmatan telus dan kebaikan penambahbaikan kualiti hidup untuk komuniti,
- Peranan dan tanggungjawab pengguna dalam mencapai pematuhan dengan prosedur dan polisi kualiti PBT dan dengan keperluan pengurusan sistem;
- Potensi kesan-kesan dari kekangan dari prosedur operasi tertentu.

Kompetensi akan merangkumi tahap minima sesuai untuk latihan pendidikan dan/atau pengalaman kerja diman diperlukan oleh tugas.

Latihan adalah diperlukan apabila :-

- Dimana ketidak patuhan didokumenkan di dalam mana-mana penemuan audit dan diwartakan bahawa latihan tambahan atau berlainan boleh menolong untuk memperbaiki ketidak patuhan tersebut.
- Dimana rekod latihan kakitangan menyatakan kekurangan latihan.

Pelatih yang ditugaskan untuk melaksanakan latihan mesti menghuraikan dengan pendidikan dan pengalaman yang sesuai untuk mengajar bahan-bahan latihan di dalam kursus latihan. Setiap rekod latihan kakitangan mesti mengandungi maklumat yang berikut :-

- Nama Kakitangan
- Nombor Kakitangan
- Nama dan tarikh latihan dilaksanakan
- Jumlah jam kehadiran
- Lokasi latihan
- Nama Pelatih dan Komen

8.8 REKOD

- Rekod Latihan
- Rekod Penilaian Keperluan

9.0 DOKUMEN KUALITI

9.1 TUJUAN

Prosedur ini menghuraikan bagaimana polisi, prosedur , piawaian, arahan kerja dibangunkan dan diurus.

9.2 SKOP

Prosedur ini adalah untuk dipatuhi apabila menyediakan dan mengubah apa-apa dokumentasi kualiti.

9.3 DEFINASI

Tiada

9.4 RUJUKAN

- Kualiti Manual PBT
- ISO 9001:2008 Spesifikasi Sistem Pengurusan Kualiti
- Prosedur Audit Sistem Pengurusan Kualiti
- Prosedur untuk Kajian Semula Pengurusan

9.5 TANGGUNGJAWAB

- Wakil Pengurusan
- Pengurus Kualiti

9.6 KUNCI INDIKATOR PERLAKSANAAN

Tiada

9.7 PROSEDUR

Semua dokumentasi kualiti PBT mesti menggunakan format seperti di dalam prosedur ini.

Untuk mengenalpasti pengubahan, setiap mukasurat/halaman mengandungi nombor versi, mengenalpasti dokumen, nombor tajuk dan nombor mukasurat di dalam plosi, prosedur, piawaian dan arahan kerja di dalam bentuk kertas dan elektronik (jika perlu).

Pengubahan akan dikemukakan sebagai pengganti keseluruhan tertakluk dengan pengurusan perkhidmatan.

Borang-borang akan diatur berasingan dari prosedur rujukan mereka di dalam bentuk kertas atau elektronik.

Huruf PBT/L1/ dan dituruti tiga nombor akan digunakan untuk mengenalpasti Manual Kualiti PBT.

Prosedur di PBT akan dikenalpasti dengan huruf PBT/L2/ dituruti dengan tiga nombor untuk urusan peancangan, implementasi dan operasi, semakan dan tindakan pembaikan dan kajian semula.

Arahan Tugas untuk PBT mesti dikenalpasti dengan huruf PBT/L3/ dituruti dengan tiga nombor.

Dokumentasi Jabatan mesti menggunakan garis panduan penomboran dokumentasi yang diedarkan oleh Pengurus Kualiti.

Semua ubahan untuk dokumentasi mesti :-

- Diperiksa dan dikaji semula oleh Pemeriksa Dokumen atau dikaji semula.
- Diterima dan dikeluarkan melalui Notis Kelauran dalam bentuk kertas atau elektronik (jika perlu).
- Diedar dalam Pematuhan dengan Lod Edaran Dokumen di dalam bentuk kertas atau elektronik (jika perlu).

Struktur Dokumentasi untuk Manual Kualiti

Manual mesti mengandungi sector-sektor yang berikut :-

AM	Untuk Tujuan dan skop manual
Pengenalan kepada Sistem Pengurusan Kualiti	Definasi Terperinci OSC yang akan dilaksanakan di PBT
Tajuk	Untuk menerangkan setiap elemen keperluan OSC.

Struktur Dokumentasi untuk Prosedur Kualiti

Setiap prosedur mesti mengandungi sector yang berikut :-

TUJUAN	Tujuan tertentu prosedur
SKOP	Definasi perkataan dan terma digunakan di dalam prosedur.
RUJUKAN	Bobliografi untuk piawaian dan rujukan lain di dalam prosedur ini.
TANGGUNGJAWAB	Menyatakan mereka-mereka yang berkaitan untuk pelaksanaan prosedur. Spesifikasi ini termasuk oragn yang melaksanakan kerja, memeriksa kerja dan menerima kerja.
KUNCI INDIKATOR PERLAKSANAAN	Piawaian pelaksanaan yang diperlukan untuk pembuatan prosedur.
CARTA ALIR PROSEDUR	Menerangkan prosedur didalam carta alir. Menerangkan bagaimana (melaksanakan prosedur) itu dibuat. Ini termasuk rujukan untuk latarbelakang dan justifikasi untuk apa yang perlu dilaksanakan dan bila ianya perlu dilaksanakan.
REKOD	Menyatakan rekod dan boring yang digunakan sebagai hasil dari pelaksanaan prosedur. Keperluan pengisian dan penyimpanan dikenalpasti bersesuaian.

9.8 REKOD

Rekod Dokumentasi Kualiti PBT

10.0 PENGURUSAN KAJIAN SEMULA DAN PENAMBAHBAIKAN BERTERUSAN

10.1 TUJUAN

Prosedur ini menhuraikan tindakan untuk memulakan tindakan preventif untuk mengurangkan pengulangan berlaku masaalah yang serupa.

10.2 SKOP

Sumber-sumber maklumat untuk dikaji semula untuk mengenalpasti kecenderungan, termasuk :-

- Rekod Operasi OSC;
- Rekod Pencapaian Pelaksanaan
- Keperluan Undang-undang
- Objektif dan Sasaran
- Permintaan Perkhidmatan, untuk dalaman dan luaran
- Penemuan Audit
- Lain-lain rekod dan laporan bersangkutan
- Permintaan Pengubahan
- Permintaan Perkhidmatan
- Penilaian Latihan
- Maklumat lain yang berkenaan.

10.3 DEFINASI

Tiada

10.4 RUJUKAN

- Kualiti Manual PBT
- ISO 9001:2008 Spesifikasi Sistem Pengurusan Kualiti

10.5 TANGGUNGJAWAB

- Wakil Pengurusan
- Pengurus Kualiti

10.6 KUNCI INDIKATOR PERLAKSANAAN

Tiada

10.7 PROSEDUR

Di dalam jangka yang biasa, kajian semula pengurusan akan dilaksanakan untuk memeriksa adua pelanggan, permintaan perkhidmatan, penemuan audit, permintaan perubahan, permintaan perkhidmatan, penilaian latihan dan rekod dan laporan berkenaan untuk mengenalpasti apa-apa trend negative.

Fokus kepada yang berikut :-

- masalah yang belum diselesaikan;
- perubahan dalam sebab-sebab masalah;
- perubahan (selalunya penambahan) dalam jumlah masalah untuk jangkamasa tertentu;
- masalah dan/atau penyebab yang sama berulang untuk jangkamasa tertentu;
- punca yang sama bertanggungjawab untuk jumlah masalah yang tidak biasa;
- kekurangan am di dalam mana-mana bahagian sistem pengurusan kualiti;
- kepercang disebabkan oleh komunikasi; dan
- kepercang disebabkan oleh maklumbalas yang lambat atau kurang memuaskan.

Membuat Permintaan Perkhidmatan untuk kecenderungan yang dikenalpasti.
Selesaikan permintaan seperti dalam Permintaan Perkhidmatan.


10.8 REKOD

- Rekod Laporan Kajian Semula Pengurusan

5. Tindakan dan Tanggungjawab Memantau Dan Menyelaras Pemakluman Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa OSC Kepada Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri (MMKN) Dan Pemakluman Keputusan MMKN Kepada Mesyuarat Jawatankuasa OSC Oleh Agensi Teknikal Luaran Dan Unit OSC.

Bil	Tindakan	Tanggungjawab
H	<u>Agensi Teknikal Luaran dan Unit OSC memantau dan menyelaras Pemakluman Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa OSC dan Pemakluman Keputusan MMKN.</u>	
H1	Terima borang pemakluman yang memperakukan kelulusan Kebenaran Merancang dari OSC.	PTD
H2	Sediakan kertas perakuan dan kemuka kepada PTG dalam tempoh yang ditetapkan.	PTD
H3	PTG selaras dan bentang perakuan dalam Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri (MMKN) dalam tempoh yang ditetapkan.	PTG
H4	Serah keputusan terhadap permohonan oleh MMKN kepada PTD.	PTG
H5	Serah keputusan terhadap permohonan oleh MMKN kepada Unit OSC dalam tempoh yang ditetapkan.	PTD
H6	OSC hendaklah memantau setiap aktiviti mengikut tempoh yang telah ditetapkan rekod keputusan ke dalam fail permohonan.	TA/JT/ PT
H7	Pembentangan keputusan MMKN dalam Mesyuarat JawatanKuasa OSC.	KU OSC/PPU OSC
H8	Maklum keputusan Mesyuarat JawatanKuasa OSC dalam borang pemakluman kepada pemohon dan Agensi Teknikal Dalaman.	TA/JT/PT
H9	Jabatan Teknikal Dalaman keluarkan kelulusan rasmi. * dengan keputusan Mesyuarat JawatanKuasa OSC dan Mesyuarat MMKN, pegawai-pegawai teknikal di PBT adalah bertanggungjawab memastikan lukisan-lukisan yang berkaitan ditandatangani dan mengeluarkan kelulusan rasmi kepada pemohon.	P(T) PBT

CARTA ALIR KERJA AGENSI TEKNIKAL LUARAN DAN UNIT OSC MEMANTAU DAN MENYELARAS PEMAKLUMAN KEPUTUSAN MESYUARAT JAWATANKUASA OSC DAN PEMAKLUMAN KEPUTUSAN MMKN.



6.REKOD KUALITI

BIL	JENIS REKOD	TEMPAT SIMPAN	TEMPOH SIMPAN	TANGGUNGJAWAB
1	Senarai Semak Dokumen Permohonan Kebenaran Merancang (Di peringkat Jabatan / Bahagian Perancangan PBT)	Bilik Fail	20 Tahun	PYDT
2	Senarai Semak Dokumen Permohonan Pelan Bangunan (Di peringkat Jabatan / Bahagian Bangunan PBT)	Bilik Fail	20 Tahun	PYDT
3	Senarai Semak Dokumen Permohonan Pelan Kejuruteraan (Di peringkat Jabatan / Bahagian Kejuruteraan PBT)	Bilik Fail	20 Tahun	PYDT
4	Carta alir Proses Kelulusan, Senarai Semak Dokumen dan Senarai Semak Terperinci untuk Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian	Bilik Fail	20 Tahun	PYDT
5	Carta alir Proses Kelulusan, Senarai Semak Dokumen dan Senarai Semak Terperinci untuk Jabatan Perancang Bandar dan Desa	Bilik Fail	20 Tahun	PYDT
6	Carta alir Proses Kelulusan, Senarai Semak Dokumen dan Senarai Semak Terperinci untuk Jabatan Kerja Raya	Bilik Fail	20 Tahun	PYDT
7	Carta alir Proses Kelulusan, Senarai Semak Dokumen dan Senarai Semak Terperinci untuk Jabatan Pengairan dan Saliran	Bilik Fail	20 Tahun	PYDT
8	Carta alir Proses Kelulusan, Senarai Semak Dokumen dan Senarai Semak Terperinci untuk Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia	Bilik Fail	20 Tahun	PYDT
9	Carta alir Proses Kelulusan, Senarai Semak Dokumen dan Senarai Semak Terperinci untuk Jabatan Mineral dan Geosains	Bilik Fail	20 Tahun	PYDT
10	Carta alir Proses Kelulusan, Senarai Semak Dokumen dan Senarai Semak Terperinci untuk Jabatan Alam Sekitar	Bilik Fail	20 Tahun	PYDT
11	Carta alir Proses Kelulusan, Senarai Semak Dokumen dan Senarai Semak Terperinci untuk Tenaga Nasional Berhad	Bilik Fail	20 Tahun	PYDT
12	Carta alir Proses Kelulusan, Senarai Semak Dokumen dan Senarai Semak Terperinci untuk Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia	Bilik Fail	20 Tahun	PYDT

13	Carta alir Proses Kelulusan, Senarai Semak Dokumen dan Senarai Semak Terperinci untuk Indah Water Konsortium	Bilik Fail	20 Tahun	PYDT
----	--	------------	----------	------

1. OBJEKTIF**I) PROSEDUR PENGELUARAN KELULUSAN RASMI OLEH AGENSI TEKNIKAL DALAMAN**

Prosedur ini bertujuan bagi memastikan tindakan mengeluarkan keputusan rasmi permohonan cadangan pemajuan oleh Agensi Teknikal Dalaman diuruskan dengan cekap, teratur, mematuhi semua peraturan yang ditetapkan berdasarkan kaedah berikut:

- (i) Kaedah I - permohonan serentak dan lengkap iaitu kombinasi kesemua empat permohonan meliputi permohonan perihal tanah, kebenaran merancang, pelan bangunan dan pelan kejuruteraan adalah:
- a) Permohonan perihal tanah (serentak pecah sempadan dan pengubahan syarat-syarat, sekatan-sekatan dan kategori-kategori), kebenaran merancang pelan susunatur / pendirian bangunan / tukar kegunaan, pelan bangunan dan pelan kejuruteraan dalam tempoh 4 bulan bagi projek-projek di bawah konsep Bina Kemudian Jual, Projek Impak Tinggi, Projek Pelaburan Asing serta Projek-projek Kerajaan dan dalam tempoh 6 bulan bagi projek lain; atau
 - b) Permohonan perihal tanah (penyerahan balik dan pemberimilikan semula), kebenaran merancang pelan susunatur / pendirian bangunan / tukar kegunaan, pelan bangunan dan pelan kejuruteraan dalam tempoh 4 bulan bagi projek-projek di bawah konsep Bina Kemudian Jual, Projek Impak Tinggi, Projek Pelaburan Asing serta Projek-projek Kerajaan dan dalam tempoh 6 bulan bagi projek lain; ; atau
- (ii) Kaedah II – permohonan secara serentak bagi kombinasi tiga permohonan iaitu:
- a) Permohonan perihal tanah (serentak pecah sempadan dan pengubahan syarat-syarat, sekatan-sekatan dan kategori-kategori), kebenaran merancang pelan susunatur / pendirian bangunan / tukar kegunaan dan pelan bangunan; atau
 - b) Permohonan perihal tanah (penyerahan balik dan pemberimilikan semula), kebenaran merancang pelan susunatur / pendirian bangunan / tukar kegunaan dan pelan bangunan; atau
 - c) Permohonan perihal tanah (serentak pecah sempadan dan pengubahan syarat-syarat, sekatan-sekatan dan kategori-kategori), kebenaran merancang pelan susunatur / pendirian bangunan / tukar kegunaan dan pelan kejuruteraan; atau
 - d) Permohonan perihal tanah (penyerahan balik dan pemberimilikan semula), kebenaran merancang pelan susunatur / pendirian bangunan / tukar kegunaan, pelan kejuruteraan; atau
 - e) Permohonan kebenaran merancang pelan susunatur / pendirian bangunan / tukar kegunaan, pelan bangunan, pelan kejuruteraan.
- (iii) Kaedah III – permohonan secara serentak bagi kombinasi 2 permohonan iaitu:
- i. Permohonan perihal tanah (serentak pecah sempadan dan pengubahan syarat-syarat, sekatan-sekatan dan kategori-kategori) dan kebenaran merancang pelan susunatur / pendirian bangunan / tukar kegunaan;

- atau
- ii. Permohonan perihal tanah (penyerahan balik dan pemberimilikan semula) dan kebenaran merancang pelan susunatur / pendirian bangunan / tukar kegunaan; atau
 - iii. Permohonan kebenaran merancang pelan susunatur / pendirian bangunan / tukar kegunaan, pelan kejuruteraan; atau
 - iv. Permohonan kebenaran merancang pelan susunatur / pendirian bangunan / tukar kegunaan dan pelan bangunan
 - v. Permohonan pelan bangunan dan kejuruteraan; atau
- (iv) Kaedah IV – permohonan satu persatu iaitu:
- a) Perihal tanah (serentak pecah sempadan dan perubahan syarat-syarat, sekatan-sekatan dan kategori-kategori); atau
 - b) Perihal tanah (penyerahan balik dan pemberimilikan semula); atau
 - c) Kebenaran merancang pelan susunatur / pendirian bangunan / tukar kegunaan; atau
 - d) Pelan kejuruteraan; atau
 - e) Pelan bangunan; atau
 - f) Pelan kerja tanah; atau
 - g) Pelan jalan dan parit; atau
 - h) Pelan nama taman; atau
 - i) Pelan nama jalan.
- (v) Kaedah V – permohonan yang diluluskan di peringkat jabatan PBT iaitu:
- a) Pelan landskap; atau
 - b) Pelan lampu jalan; atau
 - c) Permit untuk pembinaan kecil atau perubahan dan tambahan kecil; atau
 - d) Permit sementara untuk bangunan / struktur sementara.
- (vi) Kaedah VI – Permohonan yang dikemukakan untuk rekod di Jabatan PBT yang berkaitan iaitu:
- a) Pelan sanitari; atau
 - b) Pelan konkrit tetulang; atau
 - c) Pelan bangunan bagi projek-projek Kerajaan yang tidak memerlukan sijil *fitness* bangunan dikeluarkan.

2. SKOP

Prosedur ini akan diguna pakai oleh Urus Setia Pusat Setempat (OSC) untuk menerima, menyemak, mendaftar dan mengedar permohonan cadangan pemajuan kepada Agensi Teknikal yang terlibat.

3. RUJUKAN

- (i) Manual Kualiti
 - Seksyen 7.0 - Proses Penyediaan dan Penyampaian Perkhidmatan
 - Seksyen 7.2 - Proses-proses berkaitan dengan pelanggan
 - Seksyen 7.5 - Proses Penyediaan dan Penyampaian Perkhidmatan
 - Seksyen 7.5.1 - Kawalan Ke Atas Penyediaan dan Penyampaian Perkhidmatan
 - Seksyen 7.5.4 - Harta Hakmilik Pelanggan

Seksyen 7.5.5 - Pemuliharaan

Seksyen 8.3 - Kawalan Ke Atas Produk atau Perkhidmatan Yang Tidak Memenuhi

- ii. Kanun Tanah Negara 1965 (Akta 56)
- iii. Akta Arkitek 1967 (Akta 117)
- iv. Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Perlesenan) 1966 (Akta 118)
- v. Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127)
- vi. Akta Penyiasatan Kajibumi 1974 (Akta 129)
- vii. Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133)
- viii. Akta Pendaftaran Jurutera 1967 (Akta 138)
- ix. Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerja 1994 (Akta 154)
- x. Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171)
- xi. Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172)
- xii. Akta Hak Milik Strata 1985 (Akta 318)
- xiii. Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341)
- xiv. Akta Bekalan Elektrik 1990 (Akta 447)
- xv. Akta Jurukur Tanah Berlesen 1958 (Akta 458)
- xvi. Akta Perancang Bandar 1995 (Akta 538)
- xvii. Akta Komunikasi dan Multimedia 2006 (Akta 588)
- xviii. Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655)
- xix. Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984
- xx. Garis Panduan Masma 1975
- xxi. Peraturan-peraturan Elektrik 1994
- xxii. Buku Panduan Penambahbaikan Sistem Penyampaian Prosedur dan Proses Cadangan Pemajuan Serta Pelaksanaan Pusat Setempat [Edisi Kedua] 2008 Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.
- xxiii. Garis Panduan Piawaian dan Perancangan yang telah digazetkan.


Jadual A : Penglibatan Jabatan/Agensi Teknikal Menyemak Permohonan


BIL	AGENSI TEKNIKAL	JENIS DOKUMEN PERMOHONAN								
		HAL-HAL TANAH (124A dan 204D KTN)	KEBENARAN MERANCANG (KM)	PELAN BANGUNAN (PB)	PELAN KEJURUTERAAN			PELAN SUBSIDIARI KM		
					KERJA TANAH	JALAN DAN PARIT	LAMPU JALAN	LANSKAP	NAMA TAMAN	NAMA JALAN
1	Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia	✓	✓		✓					
2	Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia			✓						
3	Jabatan Alam Sekitar		✓							
4	Tenaga Nasional Berhad	✓	✓							
5	Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia		✓	✓	✓	✓				
6	Jabatan Pengairan dan Saliran	✓	✓	✓	✓ **	✓				
7	Pentadbiran Tanah Negeri	✓	✓							
8	Indah Water Konsortium		✓	✓						
9	Jabatan Kerja Raya	✓ *	✓		✓	✓				
10	Jabatan Perancangan Bandar dan Desa		✓							
11	Pihak Berkuasa Air Negeri		✓							
12	Jabatan Perancangan PBT	✓	✓		✓				✓	✓
13	Jabatan Bangunan PBT		✓	✓						
14	Jabatan Kejuruteraan PBT		✓	✓	✓	✓	✓			✓
15	Jabatan Lanskap PBT							✓		

Nota :

- * Penglibatan JKR hanya bagi permohonan 124A
- **JPS perlu dirujuk di peringkat Pelan Bangunan sekiranya OSD dan/atau SPAH direkabentuk di dalam dan di halaman bangunan.

xxv. CARTA ALIR PROSES PERTIMBANGAN PERMOHONAN MELALUI OSC





Panduan:

Tugas OSC

(hari) Turutan Proses

****** Pelan-pelan ini boleh diserahkan selepas pelan tapak dan pelan bangunan telah di luluskan.

51 hari 21 hari proses bantahan dan 30 hari perbincaraan bantahan

Nota:
Perakuan Pelan Bangunan, Pelan Kerja Tanah dan pelan Jalan dan Parit adalah tertakluk kepada pelan Susun Atur yang telah dipersetujui.

Update on : 9 Disember 2010

4. DEFINISI

1. Terminologi

TERMINOLOGI	HURAIAN
Pemohon	<p>Seorang Perancang Bandar Berdaftar yang didaftarkan di bawah subseksyen 15(3) Akta Perancang Bandar 1995 (Akta 538) atau seorang yang diperuntukkan kuasa mengemukakan permohonan cadangan pemajuan di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain;</p> <p>atau</p> <p>Seseorang arkitek yang didaftarkan sebagai seorang Arkitek di bawah Akta Arkitek 1967 (Akta 117) dan mana – mana undang-undang berhubung dengan pendaftar Arkitek dan yang dibenarkan di bawah undang-undang itu menjalankan amalan dan urusan sebagai seorang arkitek;</p> <p>atau</p> <p>Seseorang jurutera yang didaftarkan sebagai Jurutera Bertauliah di bawah Akta Pendaftaran Jurutera 1967 (Akta 138) dan mana-mana undang-undang yang berhubung dengan pendaftaran jurutera dan yang di bawah undang-undang itu dibenarkan menjalankan amalan atau urusan sebagai Jurutera Bertauliah.</p> <p>atau</p> <p>Seseorang Pelukis Pelan Bangunan berdaftar di bawah Akta Arkitek 1967 (Akta 117).</p> <p>atau</p> <p>Seorang Juruukur Tanah Berlesen yang dilesenkan untuk amalan di bawah Akta Juruukur Tanah Berlesen 1958 (Akta 458).</p>
Orang Utama Yang Mengemukakan (<i>Principal Submitting Person -PSP</i>)	Orang yang berkelayakan yang mengemukakan pelan bangunan untuk pertimbangan PBT, termasuk orang yang berkelayakan lain yang mengambil alih kewajipan dan tanggungjawab sebagai PSP. PSP juga bertanggungjawab menyelaras pengemukaan setiap permohonan bagi sesuatu projek termasuk dalam mengemukakan permohonan satu persatu, serentak dan berselisih.
Orang Yang Mengemukakan (<i>Submitting Person - SP</i>)	Orang yang berkelayakan yang mengemukakan pelan-pelan selain daripada pelan bangunan bagi tujuan pertimbangan PBT dan badan-badan berkanun yang lain termasuk orang yang berkelayakan lain yang mengambil alih kewajipan dan tanggungjawab SP. SP adalah bertanggungjawab secara berterusan terhadap pelan-pelan yang dihasilkan walaupun penyelarasan pengemukaan pelan-pelan dilaksanakan oleh PSP.

Agensi Teknikal Dalaman	Jabatan / Bahagian / Unit Teknikal di dalam PBT yang memproses permohonan untuk mengeluarkan perakuan atau membuat semakan pematuhan untuk mengeluarkan ulasan teknikal bagi dipertimbangkan oleh Mesyuarat Jawatankuasa OSC. Bagi Jabatan / Bahagian / Unit Teknikal ini yang diturunkan kuasa untuk membuat keputusan terhadap sesuatu permohonan, keputusan masih perlu dimaklumkan kepada Mesyuarat Jawatankuasa OSC. Agensi Teknikal Dalaman yang memproses untuk keluaran perakuan akan juga mengeluarkan kelulusan rasmi.
Agensi Teknikal Luaran	Jabatan / Agensi Teknikal di luar PBT yang memproses permohonan melalui semakan pematuhan kepada permohonan untuk mengeluarkan ulasan teknikal sebagai <i>input</i> kepada agensi memproses mengeluarkan perakuan. Di antara Jabatan / Agensi Teknikal Luaran termasuklah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Mineral dan Geosains, Jabatan Pengairan dan Saliran, Jabatan Alam Sekitar, Pentadbiran Tanah Negeri, Pihak Berkuasa Air Negeri, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Tenaga Nasional Berhad, dan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal Negara. Terdapat juga Jabatan / Agensi Teknikal Luaran yang memberi ulasan bagi tujuan kelulusan dasar sesuatu pemajuan di antaranya termasuklah Jabatan Penerbangan Awam, Jabatan Pertanian dan Pihak Berkuasa Pembangunan seperti (MADA) dan Jabatan Teknikal Luaran lain yang berkaitan.
Agensi memproses	Jabatan / Bahagian / Unit Teknikal yang memproses sesuatu permohonan bagi mengeluarkan perakuan terhadap permohonan untuk dipertimbangkan oleh Mesyuarat Jawatankuasa OSC. Pemrosesan adalah melibatkan 3 peringkat utama yang berturutan iaitu bermula dengan proses semakan, penilaian dan pengesahan.
Agensi yang mengeluarkan ulasan teknikal	Jabatan / Bahagian / Unit Teknikal yang membuat semakan kepatuhan ke atas permohonan bagi mengeluarkan ulasan teknikal sebagai <i>input</i> kepada agensi yang memproses melengkapkan perakuan. Proses semakan kepatuhan juga melibatkan 3 peringkat utama yang berturutan iaitu bermula dengan proses semakan, penilaian dan pengesahan.
Kebenaran Merancang	Kebenaran yang diberi dengan atau tanpa syarat untuk menjalankan pemajuan.
Perihal Tanah	Hal-hal yang berkaitan dengan pecah sempadan dan pengubahan syarat-syarat, sekatan-sekatan dan kategori atau penyerahan balik dan pemberimilikan semula tanah.
Pelan Kejuruteraan	Pelan Kerja Tanah, Pelan Jalan dan Parit dan Pelan Lampu Jalan
Rancangan Tempatan	Berhubung dengan sesuatu kawasan, ertinya rancangan tempatan bagi kawasan itu, dan apa-apa pengubahan rancangan itu, yang pada masa ini berkuatkuasa dalam kawasan itu menurut subseksyen 15(1); dan, berhubung dengan mana-mana tanah atau bangunan, ertinya rancangan tempatan, sebagaimana ditakrifkan sedemikian, bagi

	kawasan di mana tanah atau bangunan itu terletak; dan “draf rancangan tempatan” hendaklah ditafsirkan sebagaimana yang dikehendaki oleh konteksnya; (dipetik dari Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 - Akta 172)
Rancangan Struktur Negeri	Berhubung dengan sesuatu kawasan, ertinya rancangan struktur bagi kawasan itu, dan apa-apa pengubahan rancangan itu, yang berkuatkuasa dalam kawasan itu menurut subseksyen 10(6); dan, berhubung dengan mana-mana tanah atau bangunan, ertinya rancangan struktur, sebagaimana ditakrifkan sedemikian, bagi kawasan di mana tanah atau bangunan itu terletak; dan “draf rancangan struktur” hendaklah ditafsirkan sebagaimana yang dikehendaki oleh konteksnya; (dipetik dari Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 - Akta 172)
Projek Bina Kemudian Jual (BKJ)	Konsep BKJ yang telah dipersetujui oleh Kerajaan untuk dilaksanakan di seluruh negara ialah BKJ Sebahagian tetapi mengikut varian 10:90. Ini bermakna semasa Perjanjian Jual Beli ditandatangani, pembeli dikehendaki membayar 10% daripada harga jualan dan bakinya, iaitu 90% diselesaikan apabila rumah siap dengan CFO atau CCC dan diserahkan pemilikan kosong.
Projek Impak Tinggi	<p>Projek yang mempunyai kesan pengganda yang signifikan serta mempunyai impak sosioekonomi yang tinggi, yang dapat menjana pertumbuhan ekonomi, agihan, kualiti hidup dan pembangunan modal insan serta pelaksanaan yang mudah dan cepat melalui sistem penyampaian program dan projek yang efektif dan efisien.</p> <p>Asas-asas pemilihan projek impak tinggi adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Impak sosial yang tinggi dan <i>quick-win</i> • Mudah dan cepat untuk dilaksanakan • Kesan pengganda yang signifikan • Impak serta merta ke atas pendapatan dan kualiti hidup • Sumbangan terhadap pertumbuhan ekonomi dan agihan • Sumbangan terhadap pembangunan modal insan
Projek Pelaburan Asing	<p>Perolehan hartanah oleh kepentingan asing daripada kepentingan tempatan dan kepentingan asing yang lain merangkumi;</p> <ul style="list-style-type: none"> • Apa-apa perolehan hartanah yang akan dibangunkan sebagai projek pembangunan selain dari unit kediaman; dan • Kepentingan asing hanya dibenarkan memperoleh hartanah selain dari unit kediaman yang bernilai melebihi RM150,000 tanpa had bilangan. <p>Kepentingan asing ditakrifkan sebagai sesuatu kepentingan, kumpulan kepentingan bersekutu atau pihak yang bertindak secara bersama merangkumi:</p> <p>(a) individu bukan warganegara Malaysia; atau</p> <p>(b) syarikat atau institusi asing (melainkan pegangan efektif dinyatakan); atau</p>

	(c) syarikat tempatan atau institusi tempatan yang mana pihak di butiran (a) dan/atau (b) memiliki lebih daripada 50% hak mengundi dalam syarikat atau institusi berkenaan.
Projek Kerajaan	Projek-projek yang dilaksanakan oleh agensi/jabatan kerajaan persekutuan, negeri dan tempatan atau anak syarikat kerajaan atau projek kerajaan yang dilaksanakan oleh pihak swasta.
Mesyuarat Jawatankuasa OSC	Mesyuarat Jawatankuasa OSC dipengerusikan oleh Yang Dipertua PBT atau pengerusi ganti yang dilantik dalam kalangan ahli-ahli Jawatankuasa OSC yang dilantik. Pembentukan Jawatankuasa OSC adalah selaras seksyen 28, Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) dengan keahliannya terdiri daripada wakil-wakil Agensi Teknikal Luaran dan Agensi Teknikal Dalaman PBT serta 4 orang Ahli Majlis (2 orang Ahli Majlis sekiranya diperlukan, duduk bersidang sebagai pemerhati sahaja). PBT dari masa kesemasa dibenarkan menjemput wakil-wakil agensi teknikal lain untuk memberi maklumbalas dalam Mesyuarat Jawatankuasa OSC.
Kelulusan Dasar	Kelulusan yang diperlukan dari agensi-agensi tertentu untuk melengkapkan permohonan sebelum permohonan diselaraskan untuk dikemukakan kepada OSC.
Kelulusan Jawatankuasa OSC	Kelulusan yang diberi dengan syarat atau tanpa syarat tetapi bukan kelulusan rasmi. Bagi kelulusan dengan syarat-syarat atas pelan, maka peluang 2 kali berturut-turut Mesyuarat Jawatankuasa OSC hendaklah diberi kepada pemohon bagi melengkapkan permohonan dan sekiranya gagal dipatuhi, Mesyuarat Jawatankuasa OSC boleh menolak permohonan tersebut. Bagi permohonan yang mematuhi syarat dan permohonan yang diluluskan dengan syarat semasa pembinaan, maka kelulusan rasmi hendaklah dikemukakan dalam tempoh 7 hari dari tarikh keputusan Mesyuarat Jawatankuasa OSC.
Kelulusan Rasmi	Kelulusan yang diberi dengan disertakan dengan pelan-pelan yang telah diperakukan untuk menjalankan pemajuan. Pengarah-pengarah teknikal PBT yang berkaitan hendaklah bertanggungjawab untuk mengeluarkan kelulusan rasmi dalam tempoh yang ditetapkan.
Bayaran	Bayaran memproses permohonan seperti mana yang diperuntukan dalam undang-undang dan kaedah yang berkaitan.

(ii) Singkatan

BIL	SINGKATAN	HURAIAN
1.	YDP	Yang Dipertua
2.	TYDP	Timbalan Yang Dipertua
3.	SU	Setiausaha Majlis
4.	KU OSC	Ketua Unit OSC
5.	PPU OSC	Penolong Pengarah Unit OSC
6.	TA	Pembantu Teknik Unit OSC
7.	JT	Juruteknik Unit OSC
8.	PT	Pembantu Tadbir Unit OSC
9.	PAP	Pembantu Am Pejabat Unit OSC
10.	JKOSC	Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC)
11.	PBT	Pihak Berkuasa Tempatan
12.	PTD	Pentadbiran Tanah Daerah
13.	PTG	Pejabat Tanah dan Galian
14.	PTN (PTG+PTD)	Pentadbir Tanah Negeri
15.	JPS	Jabatan Pengairan dan Saliran
16.	JKR	Jabatan Kerja Raya
17.	TNB	Tenaga Nasional Berhad
18.	JAS	Jabatan Alam Sekitar
19.	SKMM	Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
20.	IWK	Indah Water Konsortium
21.	JMG	Jabatan Mineral dan Geosains
22.	JBPM	Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
23.	PBAN	Pihak Berkuasa Air Negeri
24.	JPBD	Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri
25.	JB	Jabatan Bangunan PBT

26.	JP	Jabatan Perancangan PBT
27.	JJ	Jabatan Kejuruteraan PBT
28.	JL	Jabatan Landskap PBT
29.	KPPA	Kaedah-Kaedah Pengawalan Perancangan Am
30.	SDP	Simpan Dalam Perhatian
31.	Checkpoint 1	Pegawai / kumpulan dalam jabatan / agensi yang menyemak dokumen permohonan untuk memastikan pematuhan kepada perundangan dan peraturan yang berkaitan.
32.	Checkpoint 2	Pegawai / kumpulan dalam jabatan / agensi yang menilai kesesuaian dan kesempurnaan semakan pematuhan oleh checkpoint 1.
33.	Checkpoint 3	Pegawai / kumpulan dalam jabatan / agensi yang mengesahkan penilaian dan semakan pematuhan telah sempurna dan muktamad dan mengeluarkan perakuan / ulasan teknikal.
34.	P(T) PBT	Pengarah Teknikal PBT

1. KAWALAN DOKUMEN OSC

1.1 TUJUAN

Prosedur ini menghuraikan proses untuk kawalan dokumen berkenaan Sistem Pengurusan Kualiti, proses OSC dan sistem OSC Dalam Talian (OSC Online) dan perkara-perkara seperti penerimaan dokumen dan pengeluaran dokumen; adaptasi dan kawalan; identifikasi dokumen dan permintaan perkhidmatan untuk kedua-dua salinan kertas dan salinan elektronik (dalam OSC Online).

1.2 SKOP

